

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP  
[SEKIJANG - BN]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 37)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- a) Adakah pihak Kementerian menetapkan agar semua atlet menjalani ujian ‘doping’ dalam jangka masa tertentu; dan
- b) Apakah bentuk hukuman yang paling berat diperuntukkan bagi atlet yang gagal ujian ‘doping’.

**JAWAPAN (A)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) mempunyai program ujian yang dilaksanakan berdasarkan ***Testing Distribution Plan (TDP)*** dibuat dengan memfokuskan kepada semua atlet di dalam program Elit dan Pelapis. Ujian ini akan dilakukan secara berterusan dan setiap atlet akan diuji sekurang-kurangnya 3 kali dalam setahun. Mengikut amalan *smart testing*, jika atlet itu dari sukan yang berisiko tinggi, maka ujian akan dilakukan lebih dari 3 kali setahun.
  
2. Manakala untuk persiapan menghadapi sesuatu Temasya Sukan contohnya Sukan SEA 2015 di Singapura, maka ADAMAS akan membuat ujian ke atas semua atlet yang terlibat daripada 36 jenis sukan yang dipertandingkan. ADAMAS akan menguji semua atlet dalam sukan individu dan untuk sukan berpasukan pula mengikut protokol pemilihan yang ditetapkan.

**JAWAPAN (B)**

Berdasarkan *World Anti-Doping Code 2015* yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2015, hukuman paling berat bakal dikenakan ke atas atlet yang gagal ujian doping bagi kesalahan pertama ialah pergantungan **selama 4 tahun** dan juga menarik balik pingat dan wang ganjaran yang diterima. Ada juga persatuan sukan yang akan mengenakan denda wang tunai sebagai contoh wang denda RM 2,000

**SULIT**

yang dikenakan atlet, jurulatih atau pegawai yang terlibat dan disabit kesalahan. Bagi kesalahan kedua yang melibatkan atlet yang sama, hukuman penggantungan **seumur hidup** akan dikenakan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua peluang biasiswa yang ditaja oleh kerajaan pusat dan agensi kerajaan pusat dalam dan luar negeri untuk pelajar lepasan SPM, STPM dan lepasan Ijazah. Nyatakan berapakah biasiswa yang ditawarkan.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPA menawarkan basiswa kepada pelajar lepasan SPM, STPM dan ijazah pertama bagi mengikuti pengajian dalam & luar negara seperti berikut:

**i. Program Biasiswa Nasional (PBN)**

Penajaan kepada 50 orang pelajar paling cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun di kalangan yang terbaik atau *crème de la crème* mengikut senarai Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia berdasarkan kepada merit akademik sepenuhnya.

**ii. Program Universiti Terkemuka**

Penajaan kepada 15 pelajar yang sedang/mendapat tawaran tempat pengajian di sepuluh (10) universiti terkemuka dunia mengikut senarai *Times Higher Education World University Rankings* (THE).

**iii. Program Cemerlang STPM**

Penajaan kepada 5% pelajar cemerlang lepasan STPM untuk mengikuti pengajian ijazah pertama dalam negara.

**iv. Program Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman**

Penajaan kepada 300 pelajar dalam bidang kejuruteraan ke negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

**v. Program Lepasan Bursary**

Penajaan kepada pelajar lepasan Program Bursary (yang mendapat keputusan 9A+ dalam SPM) tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi yang ditetapkan oleh JPA di dalam dan luar negara. Bilangan pelajar adalah tertakluk kepada pelajar Bursary yang memenuhi syarat tajaan JPA.

**vi. Program Ijazah Dalam Negara (PIDN)**

Penajaan kepada 10,050 pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma dan ijazah pertama di institut pengajian tinggi dalam negara.

Sekian. Terima kasih